

UCAPAN OLEH: DATO' SERI DR MAHATHIR BIN MOHAMAD
(PERDANA MENTERI)

UPACARA: PERUTUSAN SEMPENA SAMBUTAN HARI KEMERDEKAAN NEGARA KE 45

TEMPAT : PEJABAT PERDANA MENTERI, PUTRAJAYA

TARIKH: 30 AUG 2002

MASA:

Tahun ini negara kita genap 45 tahun merdeka. Sekali lagi kita menyambutnya dengan penuh meriah dalam suasana yang aman damai. Pelbagai acara sambutan diadakan untuk merai dan memeriahkan Hari Kemerdekaan di seluruh negara. Bagi kebanyakan daripada kita hari kemerdekaan ialah hari bercuti dan berehat daripada kerja sama seperti hari cuti lain.

2. Kenapakah kita menyambut Hari Kemerdekaan? Sebabnya ialah makna kemerdekaan sudah semakin kurang difahami dan dihargai oleh ramai daripada kita. Ramai daripada kita dilahir di zaman selepas merdeka dan kita tidak berpengalaman hidup dijajah dan dihina. Jika tidak ada satu usaha untuk memperingati kita, kita akan lupa terus akan sejarah terhina kita dan kita tidak lagi akan berusaha mempertahankan kemerdekaan negara kita.

3. Hari ini sudah ada antara generasi yang tidak pernah merasai tekanan penjajah yang mudah terhasut dengan pemikiran bekas penjajah yang ternampak begitu menarik, begitu logik dan begitu berperikemanusiaan. Lalu mereka bukan sahaja tidak menghargai kebebasan negara tetapi sanggup bersubahat dengan bekas penjajah untuk menjajah semula negara sendiri.

4. Hari ini bekas penjajah bercakap berkenaan dengan kebebasan bersuara, kebebasan akhbar, kebebasan tindakan perusahaan oleh pekerja, pemerintahan mengikut undang-undang, demokrasi, kebebasan kehakiman dan bermacam lagi. Semasa mereka menjajah kita dahulu mereka tidak pernah bercakap berkenaan semua ini. Sebabnya ialah mereka tidak pernah memberi kebebasan kepada bangsa yang dijajah oleh mereka dan mereka mencabul hak asasi bangsa-bangsa ini. Sekarang setelah kita merdeka mereka menghasut supaya melalui anika jenis kebebasan keadaan negara kita menjadi tidak stabil, tidak maju dan mudah untuk mereka jajah semula.

5. Demikian sementara mereka melaungkan demokrasi, mereka tidak segan-segan menolak demokrasi antarabangsa. Dalam hubungan antarabangsa mereka utamakan kekuatan. Might is right, kekuatan menghalalkan segala-galanya.

6. Tetapi lebih daripada itu, mereka sekarang sebenarnya sudah kembali kepada tabiat lama mereka untuk menjajah. Hanya yang berbeza ialah cara yang digunakan. Tidak lagi "gunboat" yang dihantar tetapi penyangak matawang, agensi antarabangsa yang dikuasai oleh mereka, sekatan ekonomi dan sekarang ini globalisasi yang diperalatkan untuk menawan semula negara-negara yang baru sahaja merdeka.

7. Dahulu mereka dakwa penjajahan oleh mereka adalah beban yang perlu mereka pikul, sebagai "White Man's Burden", Beban Orang Kulit Putih. Mereka cuba menjadikan penjajahan sebagai suatu tanggungjawab yang mulia. Sekarang mereka mendakwa kebebasan keluar masuk modal adalah untuk menolong negara yang miskin. Bahawa mereka akan dapat keuntungan besar dalam proses ini tidak di sebut oleh mereka. Sekali lagi mereka cuba gambarkan penjajahan cara baru mereka sebagai satu beban yang terpaksa mereka pikul untuk menolong negara-negara yang miskin.

8. Pada tahun 1997 kita diberi contoh yang jelas tentang apa dianya globalisasi, akan betapa mudahnya kuasa kita dalam negara kita boleh dilucutkan dan mereka secara langsung dan tidak langsung memperolehi kuasa ini seperti dahulu semasa kita dijajah. Hanya dengan menjual Ringgit kita, nilai Ringgit dapat dikurangkan dan kita menjadi miskin. Apabila kita miskin tanpa segan silu mereka menawar pinjaman dengan syarat kita serah urusan ekonomi kita kepada mereka. Mereka hendak supaya pasaran menentukan semua urusan ekonomi kita, pasaran yang dikuasai oleh mereka, oleh bank-bank mereka yang disokong oleh agensi antarabangsa seperti IMF dan Bank Dunia yang dikuasai sepenuhnya oleh mereka. Kononnya pasaran akan mendisiplinkan Kerajaan. Kononnya Kerajaan kita, Kerajaan yang telah berjaya membangunkan ekonomi negara ini sehingga ia digelar Harimau Ekonomi, adalah tidak telus, korap, pengamal kronisme dan tidak cekap. Justeru itu pasaran akan membetulkan segala amalan yang silap yang dilakukan oleh Kerajaan dan masyarakat Malaysia. Kononnya dengan cara mereka maka kegawatan dapat ditamatkan dan Malaysia kembali sihat dan maju.

9. Ada juga antara kita yang gemar untuk meletak negara ini di bawah pemerintahan asing melalui pengamalan segala nasihat dan dasar dari IMF dan World Bank. Perbelanjaan Kerajaan dikurangkan, faedah pinjaman dinaikkan dan perlindungan kepada syarikat-syarikat tempatan terutama bumiputera hendak dihentikan. Dan buat beberapa bulan dasar ala IMF tanpa pinjaman dari IMF telah diamalkan sehingga semakin rosaklah ekonomi negara dan semakin meningkatlah kegawatan.

10. Dalam keadaan cemas dan terdesak ini kita hampir tunduk kepada IMF dan Bank Dunia. Tetapi melihat akan

keadaan negara-negara yang telah meminjam dari IMF dan menyerahkan kuasa ekonomi kepada agensi antarabangsa ini, melihat keadaan mereka bukan sahaja tidak pulih tetapi mereka menjadi lebih miskin, mengalami huru-hara politik dan kejatuhan Kerajaan, bahkan rusuhan, pembunuhan dan anika jenis jenayah, kita menolak tawaran pinjaman IMF sebagai cara memulih semula ekonomi kita. Sebaliknya kita cipta cara kita sendiri bagi memulihkan ekonomi dan kewangan kita. Maka ramailah mereka yang mengecam kita, dan meramalkan kita akan hancur dan akan merangkak dan melutut kepada IMF untuk dipulih oleh mereka.

11. Sekarang hampir empat tahun telah berlalu. Ekonomi kita bukan sahaja tidak hancur tetapi telah pulih dengan lebih baik daripada negara-negara yang menerima formula dan pinjaman IMF.

12. Oleh kerana ini kita terus bebas bersuara, kita bebas berpendirian sendiri, kita berkecuali dan dapat menangkis tekanan ke atas negara kita. Kemerdekaan kita adalah kemerdekaan yang sebenar, bukan kemerdekaan setengah masak yang mana dasar negara ditentukan oleh orang asing. Rakyat bebas menentukan kepimpinan negara ini dan bukan kuasa luar yang menentunya. Huru-hara yang cuba dicetuskan dengan tujuan melemahkan Kerajaan pilihan rakyat, menjatuhkannya dan menggantikannya dengan Kerajaan yang lemah kepimpinan yang akan tunduk kepada kuasa-kuasa asing tidak dapat dijayakan. Rakyat kembali kepada budaya yang menolak cara-cara tidak demokratik untuk merebut kuasa.

13. Pengalaman kita pada tahun 1997 dan 1998 dan seterusnya membuat kita amat berhati-hati apabila globalisasi dipromosikan oleh kuasa-kuasa asing. Bukanlah kita menolak globalisasi secara total. Kita akui pasaran terbuka dan penyertaan orang asing dalam ekonomi negara kita telah menyumbang kepada pembangunan pesat negara ini. Tetapi penyertaan asing yang kita terima adalah bersyarat. Mereka tidak boleh bermaharajalela di negara kita. Kepentingan negara, terutama usaha mengseimbangkan kedudukan kaum-kaum, tidak boleh disentuh oleh mereka. Dengan ini kita mendapat manfaat dan faedah daripada penyertaan orang asing dalam ekonomi kita tanpa terjejas kebebasan kita.

14. Tetapi jika penglibatan mereka tidak dikawal, akhirnya ekonomi kita akan dikuasai sepenuhnya oleh orang asing. Setelah menguasai ekonomi dan menjadi kuasa yang menentukan baik buruk ekonomi negara, maka mereka tetap akan campur tangan dalam urusan pentadbiran kita, akan menentukan siapa yang memerintah negara kita, akan menentukan segala dasar dalam dan luar negara kita. Di waktu itu kita sudah tidak merdeka lagi. Di waktu itu kita sudah dijajah semula.

15. Apa yang diperkatakan ini bukan untuk menakutkan

rakyat supaya menyokong Kerajaan. Apa yang diperkatakan ini adalah kebenaran. Kuasa-kuasa besar masih berhasrat untuk menakluk dunia. Jika mereka tidak dapat menaklukinya dengan cara lama, mereka akan cipta cara baru. Tetapi tujuannya sama; iaitu menjajah negara-negara yang lemah, negara yang diduduki oleh kaum yang bukan sebangsa dengan mereka, negara yang kaya dengan sumber alam yang boleh dieksploitasi oleh mereka. Yang jelas ialah kita tidak selamat semamata-mata kerana kita sudah merdeka. Bahaya penjajahan masih mengancam kita. Jika kita tidak berhati-hati, jika kita tidak menghargai kemerdekaan kita, jika kita benar diri kita dihasut oleh mereka sehingga sanggup cuba menjatuhkan pemerintahan negara kita, jangan sesal jika kita dijajah semula. The price of freedom is eternal vigilance.

16. Sebab itu setiap tahun kita rayakan kemerdekaan kita. Kita rayakannya untuk memperingati diri kita akan betapa bernasib baiknya kita, betapa untungnya kita, kerana kita masih merdeka.

17. Kita rayakannya untuk memperbaharui azam kita untuk mempertahankan kebebasan kita, untuk bekerja keras dan menyumbang kepada keamanan, kemajuan dan ketahanan negara kita. Banyak sudah negara-negara yang mencapai kemerdekaan bersama kita tetapi sudah sebenarnya tidak bebas lagi. Segala urusan dan dasar negara-negara ini ditentukan oleh kuasa-kuasa asing. Pemerintahan menjadi boneka yang bergerak mengikut rentak penjajah.

18. Kita berbangga dengan kemerdekaan bukan kerana ingin bermegah-megah dengannya. Kita ingin kemerdekaan kerana kita lebih tahu akan masalah negara kita dan kita lebih sensitif dan lebih bertanggungjawab terhadap penyelesaian masalah kita. Orang asing tidak mungkin memahami kerumitan masalah negara kita yang berbilang kaum ini. Mereka hanya akan mengutamakan kepentingan mereka, akan mempermudah eksploitasi negara kita untuk mereka. Kepentingan mereka tetap bertentangan dengan kepentingan kita. Mustahil mereka akan berusaha bersungguh-sungguh supaya kita untung dan mereka rugi. Inilah sebabnya yang kita cintai kemerdekaan kita, yang kita pertahankan kebebasan negara kita. Bukan untuk tepuk dada, tetapi untuk keselamatan dan kesejahteraan hidup kita sebagai bangsa Malaysia.

19. Sehingga kini kita telah buktikan kemampuan kita mentadbir dan membangunkan negara kita. Kita telah berjaya menyelamatkan dan memelihara keamanan negara kita, menyelesaikan sendiri masalah-masalah negara kita. Dunia terpaksa akui bahawa kita telah berjaya mengatasi segala cabaran yang dihadapi oleh kita tanpa bantuan mereka atau nasihat mereka.

20. Untuk mengekalkan keadaan ini, pada hari perayaan

kemerdekaan ini marilah kita bertanya kepada diri kita apakah kita masih menghargai, mencintai kemerdekaan negara kita sehingga kita sanggup berkorban untuknya.

21. Yang pertama apakah kita sanggup mengorbankan sedikit kepentingan kaum kita supaya kita dapat menjalin hubungan baik antara kaum yang menjadi asas keselamatan dan keamanan negara, yang menyumbang kepada kemajuan negara kita. Pengorbanan yang diperlukan daripada kita sedikit sahaja. Kita tidak akan hilang identiti kaum kita. Kita masih Cina, Tamil, Melayu, Kadazan, Iban dan sebagainya. Tetapi kita juga menjadi lebih berbangsa Malaysia, yang membezakan kita daripada bangsa atau kaum negara asal kita.

22. Jika hari ini negara kita tidak dilanda rusuhan kaum seperti di negara-negara berbilang kaum yang lain sebabnya ialah pengasas negara kita terdiri daripada orang-orang yang dibesarkan dalam masyarakat berbilang kaum. Mereka dapat hidup, belajar, bekerja dan bermain dengan rakan-rakan daripada semua kaum. Mereka sedar akan adat resam dan sensitiviti masing-masing kaum. Dan mereka secara sedar tidak menghina atau mempermainkan agama, budaya dan bahasa kaum masing-masing.

23. Sekarang ini kita melihat pengasingan secara sengaja antara kaum-kaum di Malaysia. Apabila sekolah Kebangsaan di tubuh untuk semua kaum, semakin lama semakin kurang penuntut Sekolah Kebangsaan yang terdiri daripada kaum bukan Melayu. Ini adalah disebabkan secara sedar atau tidak sedar, sekolah Kebangsaan dijadikan Sekolah Melayu, dengan unsur-unsur tertentu. Lagi pun ramai ibubapa memilih Sekolah Agama untuk anak mereka.

24. Dengan itu kaum lain kurang berminat untuk menghantar anak mereka ke Sekolah Kebangsaan. Sudah tentu tidak ke Sekolah Agama. Maka Sekolah Jenis Kebangsaan pun membesar dan bertambah. Dan Sekolah Jenis Kebangsaan ini lebih merupakan Sekolah Cina atau Tamil.

25. Perkembangan ini menyebabkan penuntut daripada kaum-kaum di Malaysia terpisah antara satu sama lain. Mereka tidak terdedah kepada adat resam, pantang larang kaum-kaum lain. Mereka tidak sensitif dan tidak dapat memahami cara-cara bergaul sesama mereka.

26. Di universiti Kerajaan pula penuntut mengasingkan diri mengikut kaum. Persatuan-persatuan mereka terhad kepada kaum masing-masing. Di padang permainan, dalam kuliah, dalam kegiatan sosial, tidak ada acara yang melibatkan semua kaum.

27. Di institusi pengajian tinggi swasta hampir semua penuntut terdiri daripada bukan Melayu. Yuran yang tinggi di institusi swasta menghalang kemasukan

penuntut Melayu. Dengan ini universiti Kerajaan di dominasi oleh bumiputera, dan universiti swasta oleh bukan bumiputera.

28. Percubaan untuk merapatkan murid sekolah rendah dengan meletak sekolah-sekolah Kebangsaan, Cina dan Tamil dalam satu kampus di tentang oleh puak ekstremis seolah-olah mereka tidak suka anak mereka berdekatan anak kaum lain.

29. Kita telah hapuskan sekolah Inggeris kerana kita percaya Sekolah Kebangsaan akan menggantikan Sekolah Inggeris bagi semua kaum. Sementara tujuan menjadikan Sekolah Kebangsaan sebagai sekolah pilihan semua kaum tidak tercapai, penguasaan ilmu terjejas kerana kebanyakan ilmu moden terutamanya terdapat dalam bahasa Inggeris. Cadangan untuk menggunakan Bahasa Inggeris hanya untuk menguasai ilmu sains dan hisab yang begitu penting dikecam kerana kononnya hendak membelakangkan bahasa-bahasa Melayu, Cina dan Tamil.

30. Kerajaan ini tidak berniat untuk membelakangkan mana-mana bahasa rakyat Malaysia. Hasrat Kerajaan hanyalah untuk melengkapkan rakyat berbilang kaum Malaysia dengan ilmu sains dan hisab supaya mereka boleh menjayakan diri mereka sendiri, boleh bersaing dengan bangsa-bangsa lain dalam dunia yang kian mencabar. Apabila rakyat Malaysia berjaya, negara Malaysia juga akan turut berjaya. Kita tentu tahu bahawa kita semua akan dapat manfaat dari Malaysia yang maju dan pesat membangun, Malaysia yang berjaya.

31. Ini sahajalah niat dan hasrat Kerajaan. Tidak ada niat lain. Tidak ada niat politik. Tidak ada niat untuk membelakangkan Bahasa Kebangsaan, Bahasa Melayu, Bahasa Cina atau Bahasa Tamil. Oleh itu hentikanlah usaha mempolitikan isu penggunaan Bahasa Inggeris untuk mengajar sains dan hisab. Janganlah gadai masa depan anak kita kerana kepentingan sempit perkauman.

32. Janganlah jadikan tiap usaha yang baik Kerajaan sebagai isu perkauman. Lihatlah rekod Kerajaan Malaysia sejak kita merdeka. Kita bangun negara ini sehingga ia diiktiraf sebagai satu-satunya negara membangun yang berjaya walaupun kita terpaksa layan tuntutan oleh berbagai-bagai kaum yang mengamal agama, budaya dan bahasa yang berbeza. Kerajaan ini tidak pernah menganiayakan atau menindas mana-mana kaum. Semua kaum diberi perhatian yang sewajarnya.

33. Oleh sebab itu pada hari perayaan kemerdekaan yang ke 45 ini renungilah tentang betapa bernasib baiknya kita. Nasib baik kita ini bukan sesuatu yang datang bergolek atau melayang. Nasib baik kita ini diusahakan oleh pengasas negara kita dan kepimpinan negara sejak kita merdeka.

34. Jika kita bertanggungjawab maka hendaklah kita hargai usaha yang diterokai oleh pengasas negara kita. Hendaklah kita sanggup berkorban sedikit kepentingan kaum kita dan utamakan kepentingan negara kita, kepentingan perpaduan warga berbilang kaum yang menjadi bangsa Malaysia.

35. Jika kita ingin melihat keamanan dan keharmonian kaum-kaum, jika kita ingin pembangunan dan pertumbuhan negara kita ini diteruskan kita mesti berusaha ke arah matlamat ini. Jika kita besarkan isu-isu yang kecil, jika kita sengaja salah tafsir dasar dan usaha Kerajaan, jika kita politikkan segala-galanya untuk keuntungan yang kecil, janganlah kita harap keamanan dan kemakmuran yang telah kita nikmati sehingga kini akan berterusan. Ingatlah apabila keamanan sudah tidak ada, apabila ekonomi sudah hancur, pemulihannya mungkin tidak dapat dijayakan lagi.

36. Rakyat Malaysia bertuah. Saya percaya kita sekarang berada di ambang kejayaan yang lebih besar. Segala dasar dan langkah ke arah ini sudah diadakan. Lihatlah di sekeliling kita. Bandar-bandar sedang tumbuh dengan pesat, lengkap dengan anika jenis kemudahan. Kuala Lumpur, ibu kota dipenuhi dengan bangunan pencakar langit jalan bertingkat, keretapi ringan, taman-taman dan bunga-bunga di sepanjang jalan, lampu-lampu yang terang-menerang. Bandar-bandar lain tidak banyak kurang dari Kuala Lumpur.

37. Di luar bandar jalan-jalan bertar, kampung di bekal lampu elektrik dan air paip, sekolah rendah dan menengah, klinik bidan dan pusat perubatan kecil. Rumah-rumah semakin kemas dan selesa. Yang miskin pun mendapat rumah.

38. Lebuhraya moden menghubungi semua bandar. Tidak lama lagi keretapi landasan berkembar elektrik akan memudahkan lagi perjalanan dari utara ke selatan, dan mungkin juga dari barat ke timur.

39. Semua ini adalah hasil usaha dan kerjasama antara kita sesama kita daripada berbagai-bagai kaum, antara Kerajaan dengan rakyat. Semua ini adalah hasil daripada keamanan dan keselamatan negara kita yang sama-sama kita peliharakan. Semua ini, dan segala-gala nikmat dan kebahagiaan yang kita kecapi adalah hasil kebebasan dan kemerdekaan negara kita selama hanya 45 tahun.

40. Oleh itu sayangilah dan hargailah kemerdekaan kita; lindungi dan peliharalah kemerdekaan kita. Janganlah kita cipta masalah dan isu yang boleh meruntuhkan segala-gala yang telah kita bangunkan. Janganlah kita gadai masa depan kita dan generasi yang akan datang kerana taksu, fanatik dengan perkara yang sebenarnya remeh berbanding dengan segala-gala yang

kita dapati, yang kita nikmati di negara tercinta ini.

41. Pada hari yang mulia ini, pada hari kita merayakan ulang tahun kemerdekaan negara kita bersama, insafilah dan ingatlah akan nasib baik kita yang merdeka ini dan tingkatkanlah azam kita untuk mempertahankan kedaulatan, kebebasan, kemerdekaan negara tercinta ini supaya nikmat dan kebahagiaan yang kita kecapai akan bertambah lagi.

42. Bagi pihak saya sebagai Perdana Menteri, sebagai seorang rakyat dan warga negara, sebagai seorang bapa bersama isteri, anak dan cucu, saya ucapkan Selamat Merayakan Ulangtahun Kemerdekaan yang ke-45 negara tercinta ini dan saya berdoa mudah-mudahan akan selamat dan majulah kita semua rakyat Malaysia.